

JAWATAN : PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATA : KEMAHIRAN (H)
TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA
TARAF JAWATAN : TETAP
GAJI POKOK : RM1,500.00 – RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Sijil kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM 1,561.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,561.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,622.00); atau
- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 2 (b)

(b) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemandu / Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang / Tugas Menyelamat)

- (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- (ii) Bagi tugas pendendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
- (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
- (iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40 - 100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau

- (v) Bagi tugas menyelamatkan, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Skop Pemandu Kenderaan:

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan serta menjaga kenderaan/bas/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

Skop Pembantu Awam:

Bertanggungjawab menjalankan tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja dan membantu alam menjalankan kerja pembersihan tempat kerja dan kawasan pejabat.

Skop Pembantu Operasi:

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas berkenaan pengurusan dokumen dan memberi sokongan operasi serta memastikan pengurusan pejabat agar berjalan dengan lancar.

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem Permohonan Jawatan (*hrportal*) yang boleh dicapai dalam laman web rasmi UPMKB di ejobs.upm.edu.my.
2. Hanya calon yang **layak dan melepasi proses saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.**
3. Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
4. Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**
5. Sebarang pertanyaan mohon hubungi Seksyen Perlantikan Pejabat Pendaftar (UPMKB) di talian 086-855289/086-855234/086-855259